

17/07/2002

PC mampu milik rapatkan jurang digital

Hizral Tazzif Hisham

DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DH InfoTech), anak syarikat milik penuh DRB-Hicom Bhd, merancang menghasilkan komputer peribadi (PC) yang mampu dimiliki setiap rakyat Malaysia dengan menawarkan harga kurang daripada RM2,000.

Komputer peribadi dihasilkan sepenuhnya dengan kepakaran rakyat tempatan akan menggunakan sistem operasi berasaskan Linux dan aplikasi sumber terbuka. Selain itu, pengguna akan dibekalkan dengan pakej harga berpatutan iaitu kurang daripada RM50 sebulan mengikut skim pembayaran mudah disediakan oleh institusi kewangan tempatan.

Selain DH InfoTech, Mimos Bhd menerusi anak syarikatnya, Mimos Smart Computing Sdn Bhd turut terbabit membangunkan komputer peribadi buatan tempatan sepenuhnya, daripada reka bentuk hingga kepada penggunaan sistem operasi dan aplikasi.

Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata PC mesra pengguna itu akan disediakan perisian dwibahasa dan aplikasi lain seperti capaian Internet menerusi kerjasama dengan TM Net Sdn Bhd.

"Penghasilan PC itu adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub teknologi maklumat dan komunikasi serantau. Pada masa sama matlamat DH InfoTech adalah untuk menghubungkan jurang digital dan menawarkan penyelesaian bagi orang ramai, khususnya pengguna berpendapatan rendah hingga sederhana boleh memiliki komputer," katanya di Shah Alam, minggu lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani pakatan strategik antara DH InfoTech dan TMNet Sdn Bhd. Pada majlis itu DH InfoTech diwakili pengerusinya, Datuk Yatina Yahya manakala Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman mewakili TMNet. Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie hadir sebagai saksi.

Beliau berkata, inisiatif DH InfoTech untuk menghasilkan PC buatan tempatan adalah selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat celik ICT yang menjadi prasyarat pembentukan masyarakat kaya maklumat seperti yang diinginkan melalui Wawasan 2020.

Sementara itu, Pengerusi Telekom Malaysia Berhad, Tan Sri Ir Md Radzi Mansor, berkata melalui pakatan usaha sama antara DH InfoTech dan TM Net Sdn Bhd ia mampu menghasilkan PC yang lengkap dengan capaian Internet sebagai nilai tambah yang menjadi satu ciri istimewa untuk komputer berkenaan.

"Pakatan antara DH InfoTech dan TM Net adalah penting bagi membantu merealisasikan aspirasi kerajaan mewujudkan masyarakat pintar pada era digital," katanya.

PC itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Julai ini, di Mid Valley Megamall. Ia akan mula dijual pada 25 Julai.